

**IJN, Mardil Medical Meterai MoU Untuk Tubuhkan Pusat Kecemerlangan Asia  
Bernama  
29 Januari, 2013**

PUTRAJAYA, 29 Jan (Bernama) -- Institut Jantung Negara (IJN) Selasa menandatangani perjanjian dengan syarikat peranti jantung Amerika Syarikat, Mardil Medical Inc, untuk menubuhkan Pusat Kecemerlangan Asia untuk klinikal dan pembangunan platform produk 'VenTouch Targeted Ventricular Reshaping System' di Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) IJN Tan Sri Dr Robaayah Zambahari menandatangani bagi institut berkenaan manakala Mardil diwakili Presiden/CEO Jim Buck.

Turut hadir ialah CEO Agensi Inovasi Malaysia (AIM), Mark Rozario.

Sistem VenTouch adalah terapi surgikal invasif minimum untuk rawatan 'functional mitral valve regurgitation' (FMR), penyakit yang berkait dengan kegagalan jantung yang menjejaskan lebih sejuta pesakit di seluruh dunia.

Prosedur invasif minimum ini boleh mengambil masa sesingkat 45 minit.

Pada awal bulan ini, AIM mengumumkan pelaburan sebanyak RM15 juta dalam Mardil Medical untuk membangunkan pusat tersebut.

Dalam satu kenyataan di sini, IJN berkata pusat itu akan menjadi yang pertama dan satu-satunya untuk ujian klinikal yang akan datang ke atas manusia untuk Asia Pasifik.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=924739>